

# Najib nafi tuduhan ambil tindakan tutup kes IMDB

Dakwa tidak terbabit dalam penukaran Abu Kassim, pemecatan Abdul Gani

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak menafikan dakwaan beliau mengambil langkah untuk menyebabkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditukar dan mempengaruhi supaya kes skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ditutup.

Najib yang membela diri semalam terhadap tuduhan penyelewengan dana RM2.3 bilion milik 1MDB, menegaskan beliau ti-

dak terbabit dengan penukaran Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan pemecatan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

Susulan itu, Najib yang juga bekas Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkata, penukaran dan pemecatan terbabit yang didakwa dilakukan bagi melindunginya daripada dikenakan tindakan undang-undang, adalah tidak berasas sama sekali dan disalah tanggap.

Katanya, dakwaan itu tidak disokong oleh mana-mana bukti.

“Perubahan dalam kepemimpinan SPRM dan Jabatan Peguam Negara adalah sebahagian daripada rombakan pentadbiran dan tiada kena mengena dengan sebarang arahan atau gangguan daripada saya.

“Penukaran Abu Kassim adalah keputusan pentadbiran dan tiada bukti saya memainkan peranan, manakala bagi Abdul Gani pula, saya berhasrat menca-

dangkan pelantikannya sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan, tetapi ia tidak dapat dilaksanakan.

“Dakwa ini jelas sekali dirancang bagi mewujudkan naratif campur tangan yang sebenarnya tidak wujud. Ia mengetepikan realiti berhubung rombakan pentadbiran dan siasatan berte-rusan oleh pelbagai agensi bagi kes (penyelewengan) 1MDB,” katanya.

## Najib bubar pasukan khas

Ketika menjawab soalan peguamnya, Wan Aiman Azwan Wan Fakhruddin pada sesi pemeriksaan utama, Najib berkata, sehingga kini, Abu Kassim dan Abdul Gani tidak pernah memfailkan sebarang tuntutan undang-undang atas dakwaan pemecatan secara salah terhadapnya.

Sementara itu, Najib yang membacakan pernyataan saksi-nya juga menafikan terbabit de-

ngan pembubaran Pasukan Petugas Khas 1MDB yang menyiasat penyelewengan dana 1MDB pada 27 Julai 2015.

Najib berkata, melalui keterangan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali sendiri menyatakan pasukan itu tidak lagi diperlukan dan setiap agensi perlu menyambung siasatan secara bebas.

Zeti dalam keterangannya di mahkamah sebelum ini menyatakan Pasukan Petugas Khas 1MDB dibubar apabila perkhidmatan Abdul Gani ditamatkan.

Zeti yang juga saksi pendakwaan ke-46 berkata, tiada mesyuarat Pasukan Petugas diadakan Mohamed Apandi selepas beliau mengambil alih sebagai Peguam Negara yang baharu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah di Istana Kehakiman Putrajaya, bersambung pada sesi petang.